

10/10/1997

Bank Dunia minta bantuan Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis - Bank Dunia meminta Malaysia menghantar seorang pegawai ke pertubuhan itu untuk membantu menggariskan peraturan perdagangan mata wang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia juga sedia menjadi tuan rumah pertemuan bagi mengkaji cadangan Malaysia mewujudkan peraturan berhemat perdagangan mata wang, terutamanya yang berkaitan dengan urus niaga lindung nilai.

Pertemuan bagi membincangkan perkara itu akan membabitkan wakil tiga badan terbabit iaitu Bank Dunia, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Seorang pegawai sudah dikenal pasti untuk dihantar ke Bank Dunia," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama Seminar Pemikiran Strategik di Wisma MCA, di sini di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, ketika menghadiri mesyuarat tahunan IMF/Bank Dunia di Hong Kong baru-baru ini, pegawai tertinggi ketiga-tiga badan itu ada menemuinya dan menyatakan tertarik dengan cadangan yang dikemukakan Malaysia.

Semua cadangan Malaysia itu kebanyakannya terkandung dalam ucapan Dr Mahathir yang disampaikan ketika di Hong Kong dan ucapannya pada mesyuarat Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) di Chile, baru-baru ini.

Cadangan itu dikemukakan berikutan serangan manipulasi dan spekulatif terhadap mata wang Asean yang bermula dengan baht Thai pada Julai lalu sehingga menjejaskan ekonomi negara terbabit.

Perdana Menteri berkata, ketika di Hong Kong, Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus; Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn dan Ketua Pengarah WTO, Renato Ruggiero, menyokong idea itu kerana gangguan dagangan lindung nilai dalam perdagangan dunia menyukarkan kepada agensi pelbagai hala untuk menguruskan rancangan pembangunan mereka.

Dana lindung nilai adalah dana antarabangsa yang disumbang oleh golongan kaya dengan tujuan untuk mendapat pulangan melebihi purata dengan bertaruh secara besar-besaran ke atas mata wang seluruh dunia, satu tindakan yang akan menjejaskan kestabilan pasaran mata wang.

"Malah malam tadi, Ruggiero menelefon Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memaklumkan kepadanya bahawa badan dunia itu memberi sokongan kepada Malaysia untuk memulakan pengawalan ke atas perdagangan mata wang.

"Mereka mahu Malaysia mengetuai pasukan ini (untuk menggaris peraturan perdagangan mata wang). Kita tidak kisah, kita boleh berbincang dan kita mempunyai beberapa idea. Kita akan bermula secepat mungkin," katanya.

Dr Mahathir berkata, satu daripada alasan mengapa pedagang mata wang cuba untuk `menutup mulut' beliau ialah kerana: "Ada orang mendengar (pandangan dan cadangan Perdana Menteri)."

(END)